

Dia patut faham Perlembagaan'

Perdana Menteri bidas kenyataan Muhammad Sanusi mendakwa Pulau Pinang masih hak Kedah

Kuala Lumpur

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang mendakwa Pulau Pinang masih hak Kedah.

Anwar berkata, sebagai seorang Menteri Besar, Muhammad Sanusi seharusnya terikat dengan aspek perundangan dan faham mengenai Perlembagaan.

"Kadang-kadang bila seorang pemimpin berucap dia kena faham Perlembagaan, dia kena faham perjanjian.

"Walaupun ada perjanjian 300 tahun dulu, 1,000 tahun dulu, dia ada perjanjian terakhir penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan itu jelas.

"Nak ucap daripada segi sandiwara politik itu soal lain, tetapi sebagai seorang Menteri Besar, saya fikir wajar terikat dengan perundangan," katanya kepada media selepas merasmikan Seminar Fikrah Siddiq Fadzil di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), semalam.

Anwar berkata, setiap pe-



ANWAR melawat pameran selepas Majlis Perasmian Seminar Fikrah Siddiq Fadzil di DBP di ibu kota.

mimpin perlu menghormati perjanjian Perlembagaan yang sudah diperkenan oleh semua Raja-Raja Melayu termasuk Sultan Kedah dalam isu tersebut.

Kelmarin, Muhammad Sanusi dilaporkan berkata, Kedah dan Pulau Pinang tidak ada sempadan kerana Pulau Pinang masih hak Kedah dan beliau mendakwa Kedah

hanya mempunyai sempadan dengan Perak dan Perlis.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, mengenai dakwaan kononnya ter-

dapat tawaran kepada Pas untuk menyertai Kerajaan Perpaduan, ia tidak pernah dibincangkan dalam pucuk pimpinan.

"Saya tidak dimaklumkan

sama sekali, saya tidak tahu sama sekali. Saya tidak tahu siapa, ketua ranting ke yang sampaikan, saya tidak tahu yang penting bukan daripada saya, bukan daripada pimpinan," menurut Anwar lagi.

Ditanya sama ada dakwaan itu dikeluarkan oleh ahli Pas sendiri, Perdana Menteri berkata: "Itu tanya dia lah. Tidak sampai dan tidak pernah dibincang oleh pimpinan yang saya tanya dalam PH (Pakatan Harapan) atau dalam BN (Barisan Nasional)".

Sabtu lalu media melaporkan Presiden Pas Tan Sri Abdul Hadi Awang mendakwa tawaran berkenaan muncul kerana PH khususnya PKR menyedari kedudukannya tidak kukuh, apatah lagi jumlah kerusi Melayu parti berkenaan tidak sebanyak Pas.

Menurut laporan berkenaan, Abdul Hadi berkata, pihaknya terbuka dengan mana-mana tawaran oleh sesiapa pun, tetapi tawaran berkenaan mesti tidak lari daripada prinsip, matlamat dan hala tuju Pas.